

*AL-I'JĀZ AL-'ILM DALAM AL-QUR'ĀN :*  
PERSEPSI GOLONGAN AGAMA  
DI KUALA TERENGGANU

WAN HELMY SHAHRIMAN BIN WAN AHMAD

SARJANA SAINS  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU  
MALAYSIA

2012

thesis  
bpd BP 134 .S3 W3 2012



1100087180  
Al-lJaz Al-Ilmi dalam Al-Quran : persepsi golongan agama di  
Kuala Terengganu / Wan Helmy Shahriman Wan Ahmad.



PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)  
21030 KUALA TERENGGANU

1100087180

Lihit sevayak

HAK MILIK  
PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH UMT

***AL-I'JĀZ AL-'ILMĪ DALAM AL-QUR'ĀN:  
PERSEPSI GOLONGAN AGAMA  
DI KUALA TERENGGANU***

**WAN HELMY SHAHRIMAN BIN WAN AHMAD**

**Tesis ini Dikemukakan bagi Memenuhi Syarat Ijazah  
Sarjana Sains di Fakulti Pembangunan Sosial  
Universiti Malaysia Terengganu**

**Mac 2012**

081800011

## PENGHARGAAN

الحمد لله الذي نزل القرآن بلسان عربي مبين هدى للمتقين. و الصلاة و السلام على خير الأئمَّةِ محمد المبعوث الذي أخرجنا به من ظلمات الجهل و الكفر إلى نور العلم و الإيمان و على آله و صحبه ومن سار على نهجهم إلى يوم تقوم فيه الساعة.

Segala puji dan syukur yang tidak terhingga dipanjangkan ke hadrat Allah (s.w.t) kerana dengan limpah taufik dan inayah-Nya, tesis ini dapat saya siapkan dengan sempurna.

Penulisan tesis ini disertai dengan dorongan dan sokongan daripada pelbagai pihak. Oleh yang demikian, saya tidak lupa merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat bagi menyiapkan tesis ini, terutama kepada Dr. Ahmad Bazli bin Shafie, Pengerusi Penyeliaan serta Dr. Nizaita binti Omar, ahli Jawatankuasa Penyeliaan Tesis kerana telah banyak memberi idea serta membantu proses penulisan sejak awal tesis ini ditulis sehingga dapat disiapkan dengan sempurnanya. Tanpa penyeliaan dan bimbingan serta nasihat yang dicurahkan oleh mereka, maka penulisan tesis ini sudah tentu tidak mungkin dapat disiapkan. Oleh itu kepada mereka berdua, saya amatlah menyanjungi dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tiada penghujungnya.

Kepada Universiti Malaysia Terengganu (UMT), yang membuka peluang untuk saya melanjutkan pengajian di peringkat sarjana, serta memberikan pelbagai kemudahan untuk meneruskan program pengajian, juga dirakamkan terima kasih. Tidak lupa juga terima kasih ditujukan kepada pihak Universiti Teknologi Mara

(UiTM) Terengganu, khususnya Timbalan Rektor UiTM Kampus Kuala Terengganu, rakan-rakan pensyarah serta seluruh warga kampus yang banyak mendorong dan membantu kerja-kerja penyelidikan bagi tesis saya ini.

Termasuk juga ucapan terima kasih ialah kepada ibu dan bapa, mertua serta seluruh ahli keluarga yang sentiasa mendoakan kejayaan untuk saya, terutama individu istimewa dalam hidup saya iaitu isteri yang tersayang Zairohasuhana binti Hassan, anak-anak yang tercinta, Hatim, Humaira' dan Habib. Semangat, kesabaran, sokongan dan persefahaman kalian semua menjadikan sumber inspirasi dan pendorong utama kepada saya untuk menyempurnakan penulisan tesis ini sebaik yang mungkin.

Seterusnya , kepada rakan-rakan seperjuangan dan semua yang terlibat secara langsung atau tidak, juga diucapkan jutaan terima kasih di atas dorongan dan galakan yang diberikan selama ini. Semoga dengan ini, kita semua sentiasa dinaungi kejayaan dan keberkatan.

Sekian, Terima kasih.

23 Mei 2011/19 Jamadil Akhir 1432

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Malaysia Terengganu  
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Sarjana Sains

***AL-I'JĀZ AL-'ILMĪ DALAM AL-QUR'ĀN: PERSEPSI GOLONGAN  
AGAMA DI KUALA TERENGGANU***

**WAN HELMY SHAHRIMAN BIN WAN AHMAD**

**Pengerusi : Ahmad Bazli bin Shafie, Ph.D.**

**Ahli : Nizaita binti Omar, Ph.D.**

**Fakulti : Pembangunan Sosial**

Konsep *al-i'jāz al-'ilmī* bermaksud fakta-fakta ilmiah atau saintifik yang didapati dalam al-Qur'ān. Konsep ini telah banyak diperbincangkan oleh para ulama silam dan masa kini dan didapati hampir 750 ayat-ayat al-Qur'ān yang menyentuh tentang fenomena sains yang terdapat dalamnya . Konsep ini menjadi perdebatan di kalangan ulama Islam dalam meletakkan satu panduan kepada ilmuwan Islam yang ingin mengkaji tentang perkembangan sains menurut kacamata Islam. Panduan yang digariskan agar ilmuwan Islam tidak tersasar dari ajaran aqidah dan menjelaskan kemulian maksud-maksud al-Qur'ān. Perdebatan ini juga melahirkan persepsi yang pelbagai di kalangan ulama Islam sehingga ada yang menolak, ada yang menerima dengan syarat juga ada yang menerima dengan melampau dalam memperkatakan tentang *al-i'jāz al-'ilmī*. Sehubungan dengan itu, penulisan ini cuba mendedahkan perbincangan dan perselisihan yang timbul di kalangan para ulama Islam terhadap *al-i'jāz al-'ilmī* serta kesan dan persepsi terhadap golongan agamawan tempatan.

Justeru, penulisan ini merangkumi dua kaedah penyelidikan iaitu kajian kepustakaan dan juga kajian lapangan. Kaedah kepustakaan berobjektifkan untuk melihat dan mengkaji terhadap pandangan-pandangan daripada kolompok ulama yang lahir daripada pendirian masing-masing terhadap *al-i'jāz al-'ilmī* serta faktor-faktor yang membawa kepada timbul kepada perselisihan. Kaedah lapangan pula melibatkan kajian persepsi terhadap konsep ini di kalangan tokoh-tokoh agama yang terpilih yang boleh dijadikan rujukan masyarakat serta golongan agama di Kuala Terengganu. Kaedah ini bertujuan untuk melihat secara lebih dekat kecenderungan mereka terhadap golongan ulama tertentu yang lahir dari perselisihan tentang konsep *al-i'jāz al-'ilmī*. Kajian lapangan yang dijalankan dalam penulisan ini mendapati bahawa, sebahagian besar tokoh-tokoh agama yang terpilih dan golongan agama meletakkan persepsi dan kecenderungan mereka kepada pandangan golongan ulama berpendirian sederhana yang bersetuju dengan syarat-syarat tertentu yang telah digariskan. Namun begitu terdapat juga segelintir daripada responden kajian cenderung dengan kolompok ulama yang menolak. Sehubungan dengan itu, natijah yang diperolehi daripada kajian yang dijalankan perlu dinilai bagi membuka ruang kepada konsep *al-i'jāz al-'ilmī* didedahkan secara meluas bukan hanya terhad kepada para cendikiawan bahkan juga kepada masyarakat tempatan.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Malaysia Terengganu  
in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science

***AL-I'JĀZ AL-'ILMĪ IN THE QUR'ĀN: PERCEPTION OF MUSLIM  
SCHOLARS IN KUALA TERENGGANU***

**WAN HELMY SHAHRIMAN BIN WAN AHMAD**

**Chairperson : Ahmad Bazli bin Shafie, Ph.D.**

**Member : Nizaita binti Omar, Ph.D.**

**Faculty : Social Development**

A concept of *al-i'jāz al-'ilmī* is defined as scholarly or scientifically facts that can be found in some of the verses in the Holy Qur'ān. It was found that 750 versus in the Qur'ān are related to the explanation of scientific phenomenon. This concept has been persistantly reviewed by *ulama* of Islam in setting up a basic principle to act as a reference to Islamic scholars in conducting researches on the development of science in Islam. It is important to have this principle since it keeps the scholars to their beliefs and upholds the means of the sacred versus. A range of perceptions towards the concept of *al-i'jāz al-'ilmī* has also been derived from the *ulama* of Islam. Most of them have positive perceptions and the others, vice versa and a few of them have extreme perceptions. Therefore, this research discusses on the difference of perceptions these *ulama* have and the effects derived from them. Besides, it also determines the perceptions of local *ulama* of Islam towards the concept of *al-i'jāz al-*

*'ilmī*. It applies two types of research methods; both are library and field researches. The library research is being implemented by the researcher to study on the development of *al-i'jāz al-'ilmī* in the contexts of Islamic knowledge growth, its history and particular scientifical topics that had been discussed by the recent Islamic scholars regarding this concept. Moreover, this method allows the researcher to review the opinions given by the foremost groups of *ulama* of Islam towards *al-i'jāz al-'ilmī* based on their perceptions and to consider the factors that contribute to the misperceptions. Likewise, the field research allows the researcher to investigate the perceptions of *ulama* of Islam in Terengganu towards the concept itself and to identify their predispositions towards the existence of particular groups of *ulama* derived from the misperceptions of *al-i'jāz al-'ilmī*. It shows that most of the respondents hold their beliefs and predispositions against the opinions given by the groups of *ulama* who own modest perspective towards *al-I'jāz al-'ilmī* and its conceptualization. In conclusion, the findings of this research permit the concept of *al-i'jāz al-'ilmī* to be widely reviewed generally by both academic scholars and local society for further understanding.